

Mahasiswa NUS anjur projek 'Syafaa' perjelas isu kesihatan



ANJUR FORUM ANTARA KEGIATAN: Pengarah projek 'Syafaa', Cik Seri Andani Nadimah Kamaludin (*berdiri, kanan*), bersama para anggota projek yang terdiri daripada mahasiswa jurusan kejururawatan dan perubatan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, NUS. – Foto ihsan SERI ANDANI NADIMAH KAMALUDIN

DALAM usaha mencapai keseimbangan dalam agama dan juga kerjaya, sekumpulan pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) bergabung tenaga untuk menjayakan projek bernama *Syafaa*.

Syafaa, yang bermaksud 'untuk mengubati' dalam istilah bahasa Arab, adalah idea yang tercetus oleh sekumpulan pelajar jurusan kejururawatan dan perubatan daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di NUS sejak 2016.

Sesuai dengan nama projek itu, mereka berharap forum-forum yang dijalankan dapat "mengubati" tanggapan masyarakat mengenai isu-isu berkenaan kesihatan.

"Selain menjadikan usaha ini wadah dan rujukan kepada pelajar dan karyawan kesihatan mendalami ilmu dan tanggungjawab sebagai karyawan kesihatan beragama Islam, *Syafaa* juga ingin meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu-isu yang mengaitkan kesihatan dan Islam," ujar pengarah projek *Syafaa*, Cik Seri Andani Nadimah Kamaludin.

Dalam memenuhi matlamat mereka menjadi karyawan kesihatan bertauliah pada masa depan, kumpulan mahasiswa itu telah berganding bahu dengan Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHPA).

Dengan kerjasama karyawan kesihatan bertauliah dan berpengalaman, kumpulan itu yakin ia akan memberi sinergi dalam usaha murni projek tersebut.

"Gabungan antara kumpulan profesional ini bersama para pelajar muda ini diharap dapat memberikan tenaga dan kerjasama yang lebih dinamik dan relevan agar topik-topik yang dibicarakan dapat dikongsi dengan masyarakat," ujar Cik Seri Andani.

Dalam tahun keduanya, *Syafaa* telah menganjurkan forum bersiri.

Forum pertama diadakan pada Oktober lalu bertajuk *Panduan dan Etika Seorang Pakar Kesihatan*, yang mengupas isu berkenaan amanah seorang karyawan kesihatan.

"Forum ini merupakan perkongsian tentang bagaimana karyawan kesihatan beragama Islam boleh menjalankan tugas mereka berlandaskan hukum-hakam Islam," tambah Cik Seri Andani.

Forum terbaru dianjurkan pada 4 November lalu yang membincangkan Akta Pemindahan Organ Manusia (Hota).

Forum itu, antara lain, mengupas beberapa tanggapan dan isu mengenai pendermaan organ. Ia juga antara lain, menyebarkan manfaat mengenai pendermaan organ dan kelebihanannya kepada masyarakat.

Forum itu mengetengahkan penceramah terdiri daripada Penolong Pengarah Pejabat Mufti, Ustaz Irwan Hadi Mohd Shuhaimy; dan konsultan kanan perubatan geriatrik (rawatan penyakit warga emas) dan perubatan paliatif (pelegaian gejala penyakit tahap akhir), Dr Norhisham Main.

"Kehadiran asatizah dan seorang pakar daripada sektor perubatan pula telah memberi penjelasan tentang isu-isu sensitif dan kritikal mengenai Hota dan dibincangkan dari perspektif Islam.

"Melalui sesi ini ia dapat memberi penjelasan terhadap akta ini dan segala kekeliruan atau keraguan dapat dileraikan," ujar Cik Seri Andani.

Dalam kesibukan belajar, mereka turut memuat naik aktiviti *Syafaa* di Facebook dan di Instagram @syafaa.mhec.